
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SBW201 – Teori dan Isu Pembangunan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: Jawab tiga (3) soalan sahaja. Semua soalan membawa penilaian markah yang sama, iaitu 100 markah.

Soalan 1:

Merujuk kepada model pertumbuhan ekonomi yang dicadangkan oleh W.W. Rostow, bincangkan secara kritis setiap satu daripada konsep-konsep yang berikut:

- a. pertumbuhan ekonomi berperingkat-peringkat (*stages of economic growth*)
- b. pemecutan ke arah pertumbuhan ekonomi (*take-off towards economic growth*)
- c. masyarakat penggunaan massa yang tinggi (*high mass consumption society*)

Soalan 2

Teori-teori Modenisasi, Strukturalis dan Pergantungan cuba menjelaskan keadaan kurang pembangunan (*underdevelopment*) mengikut cara-cara yang berlainan. Mengikut penilaian anda, apakah persamaan dan perbezaan antara penjelasan-penjelasan keadaan kurang pembangunan yang dicadangkan oleh ketiga-tiga teori tersebut?

Soalan 3

Terangkan dan bandingkan antara bentuk-bentuk pergantungan sejarah (*historic forms of dependence*) yang telah menghalang pembangunan negara-negara Dunia Ketiga mengikut alasan Theotonio Dos Santos.

...2/-

Soalan 4

Berhubung dengan penggunaan KNK (keluaran negara kasar) per kapita sebagai petunjuk keadaan kebaikan (*indicator of wellbeing*), setujukah anda dengan alasan yang terkandung dalam dua (2) petikan yang berikut:

- a. '... KNK per kapita ialah suatu petunjuk ekonomi. Petunjuk ini mengukur pendapatan nasional berdasarkan seluruh kegiatan produktif. Hubungan-hubungan antara ukuran seperti ini dengan kemiskinan atau kebaikan individu dalam sesebuah negara adalah lemah.' (terj. drp. Alan Thomas & Henry Bernstein 1983: 26.)
- b. 'Penggunaan KNK per kapita mengasingkan pengeluaran (*production*) daripada penggunaan (*consumption*) dalam model tersiratnya mengenai cara sesebuah masyarakat memenuhi keperluan-keperluannya ... Ringkasnya, KDNK (keluaran dalam negara kasar) atau KNK per kapita, apabila digunakan sebagai petunjuk, tidak berapa menghargai barangan sara hidup (*subsistence*) atau barangan kolektif; sebaliknya, penggunaan petunjuk-petunjuk tersebut menghargai sesuatu yang telah dijadikan barangan komersil (*commercialised*), individu (*individualised*) dan terancang (*organised*) – atau pun, ringkasnya, sesuatu ala Barat (*Westernised*)?' (terj. drp. Alan Thomas & Henry Bernstein 1983: 27)

Soalan 5

Secara ringkas huraikan maksud konsep separa pinggir (*semi-periphery*) yang dicadangkan oleh Immanuel Wallerstein dan perspektif sistem-dunia (*world-system*). Setujukah anda bahawa konsep separa pinggir tersebut merupakan satu sumbangan teoritis yang penting kepada kefahaman tentang perhubungan antara pusat (*core*) dengan pinggir (*periphery*) dalam bidang teori pembangunan?

Soalan 6

Huraikan maksud syarat perdagangan (*terms of trade*). Merujuk sumbangan teoritis Raoul Prebisch dan pendekatan strukturalis, bincangkan prospek syarat perdagangan jangka panjang bagi sesebuah ekonomi yang bergantung kepada pengeksporan komoditi utama (*primary commodities*) dalam perhubungan perdagangannya dengan ekonomi perindustrian.